# PENGHARGAAN.

بسم الله الرحمن الرحيم

الحمدلله رب العالمين والصلاة والسلام على

اشرف الانبياء والمرسلين وعلى آله واصحابه اجمعين .

Pertama-tama penulis panjatkan kesyukuran kepada Allah Subhanahu Wa Ta'ala kerana dengan limpah kurnia dan rahmatNya, maka penulis dengan segala kelemahan dan keda'ifan dapat menyiapkan kertas projek ini.

Penulis juga merakamkan ucapan penghargaan dan ucapan terima kasih terutama sekali kepada tuan penyelia kertas projek ini, Yang Mulia Ustaz Fauzi Bin Deraman kerana telah sudi meluangkan masa dan mencurahkan tenaga serta memberi buah fikiran dalam menyusun, mengatur dan menyem k kertas projek ini. Seterusnya kepada pensyarah yang pernah mencurah bakti kepada penulis di sepanjang pengajiannya di Akademi Islam ini.

Tidak lupa juga kepada pensyarah ekonomi Islam UIA, kakitangan Perpustakaan Utama Universiti Malaya, kakitangan perpustakaan [illegible] Pusat Islam, Jabatan Perdana Menteri, kerana telah membantu penulis mendapatkan bahan serta khidmat nasihatnya.

Begitu juga ucapan penghargaan kepada teman-teman seperjuangan dan orang perseorangan yang telah sanggup membantu penulis dalam menjayakan dan menghasilkan penulisan ini.

Segala jasa baik yang telah ditaburkan itu mudah-mudahan akan mendapat pahala yang tidak terbatas daripada Allah s.w.t. serta tergolong kedalam golongan yang diredaiNya, mendapat rahmat dan hidayatNya sepanjang hidup di dunia dan akhirat nanti.

والسلام عليكم

Lokman Hj. Ramli,
Kg. Chepa, Kubang Kerian,
16150 Kota Bharu,
Kelantan.

## KATA PENGANTAR

بسم الله الرحمن الرحيم

Alhamdulillah, syukur kehadhrat Allah s.w.t. yang Maha Perkasa dengan RahmatNya maka penulisan ini dapat disiapkan.

Kemiskinan merupakan salah satu daripada bentuk struktur umat manusia sejak dahulu lagi. Boleh dikatakan setiap masyarakat umatmanusia tidak akan sepi dalam menghadapi masalah ini. Begitu juga dengan negara Malaysia, masalah kemiskinan telah melanda negara ini sejak sebelum merdeka sehinggalah sekarang.

Walaupun kemiskinan pada pandangan mata masyarakat tidak boleh dihapuskan tetapi pada pandangan Islam ianya merupakan suatu masalah yang dapat diatasi melalui cara-cara yang tertentu. Walaupun pada zaman Rasulullah s.a.w. lagi cara hidup yang berlandaskan Islam telah dipraktikkan secara berkesan tetapi tidak dapat dinafikan bahawa di mana kemiskinan tetap wujud.

Apa yang hendak diutarakan disini ialah sesungguhnya Islam mempunyai suatu cara yang unik dalam mengatasi masalah kemiskinan. Sesungguhnya kemiskinan yang

dialami oleh mereka yang berada di zaman itu tidak menganjurkan kepada cara penyelesaiannya kerana mereka sendiri tidak menimbulkan masalah kepada masyarakat. Segala yang berlaku keatas diri mereka diterima dengan redha tanpa menimbulkan masalah kepada masyarakat. Keadaan ini di sebabkan oleh tingginya keyakinan Tauhid yang ditanamkan di dalam diri mereka.

Sebagai contoh dalam sebuah Hadis, Baginda Rasulullah s.a.w. mengajak para sahabatnya menyumbangkan harta mereka untuk mempertahankan negara. Diantara para sahabat yang telah memberi sumbangan mereka ialah Saidina Abu Bakar. Beliau menyerahkan segala harta kekayaannya untuk tujuan tersebut. Rasulullah s.a.w. telah bertanyakan kepadanya:"Apakah lagi yang tinggal di tanganmu? Maka jawab Abu Bakar;"Ada lagi kekayaan yang tidak akan hilang selama-lamanya daripadaku, iaitu Allah dan RasulNya.

Ini menunjukkan keyakinan Tauhid mengatasi segala-galanya. Perkara inilah juga yang ditekankan oleh penulis dan merupakan cara pokok dalam menyelesaikan masalah kemiskinan di bawah tajuk "Pembentukan Masyarakat Berlandaskan Tauhid".

Akhirnya penulis memohon kemaafan kepada mana-mana pihak andainya ada perkara-perkara yang disentuh dalam

kajian ini tidak menepati kehendak mereka. Kepada Allah Taala dipohon keampunan di atas kesilapan dan keterlanjuran yang dilakukan semoga kita semua mendapat manfaat dari kajian ini, dan semoga kita mendapat Hidayat dan PetunjukNya dalam mengharungi berbagai cabaran di sepanjang jalan kehidupan dunia yang fana' ini.

Wassalam.

- Penulis -

Kg. Chepa,

Kubang Kerian,

16150 Kota Bharu,

Kelantan.